



EDISI JUN 2025

BULETIN

PETALING JAYA

ANUGERAH

KOMUNITI *PJSSR 2025*



• HARI DENGGI ASEAN 2025
M/S 8



KITASELANGOR



EDISI
PERCUMA

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

[Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)

[pjcitycouncil](#)

Isi Kandungan

Tajuk

Muka Surat

MBPJ RAIH PENSIJILAN <i>GREEN DATA CENTER</i> TAHAP TERTINGGI	3
PROGRAM SEHENTI PENYELESAIAN ISU AKTIVITI PENDIDIKAN (TADIKA) TANPA LESEN DI PETALING JAYA	4-5
ANUGERAH KOMUNITI PJSSR 2025 MEMPERKASA KOMUNITI KE ARAH BANDAR PINTAR, MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN	6-7
HARI DENGGI ASEAN 2025: PERKUKUH USAHA BERSEPADU PERANGI WABAK DENGGI DI PETALING JAYA	8-9
PEMERKASAAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN	10-11
BELANJAWAN 2026: MBPJ LAKSANA PENDEKATAN <i>OUT COME BASED BUDGETING</i>	12-13
MBPJ RAIKAN KELAHIRAN 'BAYI BANDAR RAYA' SEMPERA ULANG TAHUN PETALING JAYA KE-19	14-15
AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MBPJ JUN	16-23

SIDANG REDAKSI

www.mbpj.gov.my [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [ig](#) [yt](#) [fb](#) [pjcitycouncil](#)

PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon

PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN

Muhammed Azmi bin Yusoff

Nor Sarina binti Lamak

Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik

Intan Khairana binti Md. Zali

Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar

Abdul Manaf bin Zakaria

Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

✉ : media@mbpj.gov.my

MBPJ RAIH PENSIJILAN GREEN DATA CENTER TAHAP TERTINGGI

SEKSYEN 52, 3 JUN - Dalam usaha merealisasikan Petaling Jaya sebuah bandar rendah karbon dan mampan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mencatat satu lagi kejayaan membanggakan melalui Pusat Data ICT yang kini diiktiraf sebagai *Green Computing Facility* Tahap Titanium oleh *Green Computing Initiative* (GCI).

Sebagai nadi utama sistem digital MBPJ, Pusat Data memainkan peranan penting dalam menghoskan pelbagai sistem kritikal termasuk kutipan hasil, permohonan lesen, serta penyampaian perkhidmatan kepada warga Petaling Jaya. Penggunaan tenaga yang tinggi dan kesan jejak karbon yang besar telah mendorong MBPJ untuk melaksanakan pendekatan yang lebih lestari.

Melalui pelaksanaan Dasar Pusat Data Teknologi Hijau, MBPJ bukan sahaja berusaha mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan karbon, malah meningkatkan kecekapan pengurusan perkakasan ICT.

Antara inisiatif yang diambil termasuklah memperbaiki kawalan suhu dan kebocoran udara sejuk dalam pusat data, memastikan suhu optimum, serta melantik penyelenggara yang bertauliah dan diiktiraf oleh GCI.

Pensijilan GCI yang berasaskan piawaian ISO 50001:2011 ini menilai organisasi berdasarkan lima peringkat iaitu Silver, Gold, Platinum, Titanium dan Titanium Plus.

MBPJ sebelum ini telah mencapai Tahap Gold (2019) dan Platinum (2021) sebelum berjaya memperoleh Tahap Titanium pada 20 Januari 2025, iaitu tahap tertinggi yang mengiktiraf komitmen maksimum kepada pengurusan pusat data hijau dan cekap tenaga. Antara sumbangan penting yang membantu MBPJ meraih tahap ini ialah:

- a) Dua kakitangan pusat data yang memiliki pensijilan *Certified Green Data Center Professional* (CGDCP).
- b) Penglibatan kontraktor yang diiktiraf dalam bidang *Green Computing*.

c) Peningkatan pengurusan tenaga dan pemantauan suhu pusat data secara efisien.

Terdahulu, MBPJ telah menerima anugerah sebagai pengiktirafan atas usaha ini, antaranya:

a) *Green Computing Awards 2021* bagi kategori Kawalan Alam Sekitar Terbaik, berdasarkan skor audit tahun 2019 dengan markah 63 dan PUE (Power Usage Effectiveness) 1.51.

b) *Green Data Center Award 2024* bagi kategori *Best ICT Optimised Green Data Center Award* iaitu *1st Runner Up*, dengan skor audit 77 dan PUE 1.53.

Kejayaan ini membuktikan iltizam MBPJ untuk terus menerajui transformasi digital secara mampan dan menjadi penanda aras kepada pihak berkuasa tempatan lain dalam pengurusan ICT hijau. Pencapaian ini bukan sahaja mengurangkan kesan alam sekitar, malah memberi nilai tambah kepada kos operasi jangka panjang serta kebolehpercayaan sistem digital MBPJ.

Tahap
TITANIUM



PROGRAM SEHENTI

PENYELESAIAN ISU AKTIVITI PENDIDIKAN (TADIKA) TANPA LESEN DI PETALING JAYA

PETALING JAYA, 15 JUN - Selaras dengan pengiktirafan Petaling Jaya sebagai "1st UNICEF Child Friendly City" di Malaysia, MBPJ komited memastikan aspek keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak di bandar raya ini dipertingkatkan.

Penganjuran Program Sehati Bagi Penyelesaian Isu Aktiviti Pendidikan (Tadika) Tanpa Lesen di Petaling Jaya pada 10 Jun 2025 merupakan tindakan proaktif Majlis ke atas maklum balas yang diterima.

Maklum balas yang diterima dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama ini adalah susulan daripada Bengkel Penambahbaikan dan Penyelarasan Proses Kerja Bagi Lesen Perniagaan, Industri dan Usahawan Mikro yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Mei 2025 yang lalu.

Program Sehati ini telah dimulakan setelah mendapat kelulusan dasar dari Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar pada 16 Mei 2025. Ia juga disusuli sesi libat urus bersama pengusaha-pengusaha tadika yang terlibat pada 23 Mei 2025. Melalui sesi libat urus ini, pengusaha terlebih dahulu diberikan

pemahaman yang menyeluruh berkaitan dengan keperluan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada, khususnya dalam aspek kelulusan perancangan, keselamatan bangunan serta kelayakan operasi tadika.

Pengusaha diberi tempoh 2 minggu untuk melengkapkan dan mengemukakan dokumen permohonan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen perniagaan secara serentak menerusi satu saluran bersepadu. Ia disemak semula serta diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa Khas pada hari Program Sehati tersebut diadakan.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu pengusaha memahami secara lebih jelas kehendak teknikal, piawaian keselamatan serta keperluan perundangan yang perlu dipatuhi malah mempercepat dan memudahkan proses kelulusan.

Sejumlah 26 premis tadika (40.63%) telah berjaya diputihkan serta memperolehi ketiga-tiga kelulusan tersebut pada hari yang sama. Bagi 22 premis (34.37%) yang hanya memperolehi kelulusan kebenaran merancang dan/atau permit struktur sahaja, pengusaha dikehendaki melengkapkan kelulusan permit

struktur dan/atau lesen perniagaan masing-masing termasuk merobohkan atau melantik perunding bagi kelulusan binaan tambahan sebelum 31 Disember 2025. Manakala senarai 16 premis (25.00%) yang tidak menyertai program ini akan dirujuk semula kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama untuk tindakan penguatkuasaan.

Majlis ingin menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak merupakan fasa terpenting yang membentuk asas perkembangan intelek, emosi, sosial dan fizikal. Oleh itu, penyediaan persekitaran pembelajaran yang selamat, kondusif dan berkualiti adalah amat kritikal dalam mencorakkan generasi masa hadapan.

Premis tadika yang beroperasi secara sah dan berlesen bukan sahaja menjamin pematuhan terhadap peraturan, bahkan memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak sentiasa dilindungi. Ianya bertepatan dengan pencapaian PJSSR 2030 dan SDG 4: Pendidikan Berkualiti dalam memastikan pendidikan secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

**SESI LIBAT URUS BERSAMA
PENGUSAHA BAGI PELAKSANAAN
PROGRAM SEHENTI BAGI PENYELESAIAN
ISU AKTIVITI PENDIDIKAN (TADIKA)
TANPA LESEN DI PETALING JAYA**

23 Mei 2025 (Jumaat) • Bilik Gerakan, Tingkat 1, Ibu Pejabat





ANUGERAH KOMUNITI PJSSR 2025

MEMPERKASA KOMUNITI KE ARAH BANDAR PINTAR, MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

SEKSYEN 8, 9 JUN - MBPJ melakar satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan komuniti dengan pelancaran Anugerah Komuniti Petaling Jaya *Smart, Sustainable and Resilient* (PJSSR) 2025. Inisiatif strategik ini bertujuan menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam membentuk sebuah bandar raya yang pintar, mampan dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi PJSSR 2030.

Program ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif komuniti yang bermula sejak tahun 2000 melalui pelaksanaan *Local Agenda 21* (LA 21) di Petaling Jaya. Sejak itu, program ini telah berkembang daripada inisiatif kesedaran mengenai alam sekitar, keselamatan dan integrasi sosial kepada sebuah anugerah berprestij yang mengiktiraf komuniti.

Selain itu, ia juga memainkan peranan dan penglibatan ke arah pembangunan mampan secara holistik, inklusif dan menyeluruh,

yang menyokong pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Wawasan PJSSR 2030.

Anugerah tahun ini memberi fokus terhadap mekanisme jangka panjang bagi memupuk budaya komuniti yang aktif, progresif dan sejahtera. Pelaksanaan anugerah akan memberi penekanan kepada 10 tema utama di bawah *Blueprint* PJSSR 2030, termasuk Bandar Rendah Karbon, Ekonomi Kitaran, Bandar Inklusif, Bandar Mesra Kanak-kanak, Bandar Pembelajaran, Bandar Pintar dan Tadbir Urus Digital.

Anugerah ini juga menampilkan kriteria penilaian yang telah diperhalusi mengikut tema dengan mengambil kira aspek inovasi, impak kepada komuniti, kelestarian, penglibatan masyarakat dan penjajaran kepada dasar-dasar MBPJ serta SDG.

Garis masa program Anugerah Komuniti PJSSR 2025 adalah seperti berikut :

a) 15 Jun 2025: Hari Terbuka dan Majlis Pelancaran.

b) 15 Jun – 31 Ogos 2025: Tempoh penyertaan dan penghantaran dokumen kepada urus setia MBPJ.

c) September – Oktober 2025: Penilaian dokumen, lawatan tapak dan sesi penjurian.

d) November 2025: Penilaian akhir oleh panel juri profesional.

e) 29 November 2025: Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti PJSSR 2025.

MBPJ mengalu-alukan penyertaan daripada semua komuniti Petaling Jaya sama ada persatuan penduduk, rukun tetangga, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), kumpulan kanak-kanak, belia, organisasi wanita atau pelbagai kumpulan dari universiti dan kolej untuk bersama-sama memainkan peranan dalam menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar paling bahagia dan mampan di Malaysia.







HARI DENGGI ASEAN 2025:

PERKUKUH USAHA BERSEPADU PERANGI WABAK DENGGI DI PETALING JAYA

DAMANSARA DAMAI, 18 JUN - Demam denggi terus menjadi ancaman kesihatan awam utama yang memerlukan penglibatan aktif daripada semua lapisan masyarakat. Sehingga 7 Jun 2025, sebanyak 1,194 kes demam denggi telah dilaporkan di Petaling Jaya, mencatatkan peningkatan 18 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Ketika ini, sebanyak 19 lokaliti wabak dikenal pasti, termasuk dua lokaliti *hotspot* yang mencerminkan betapa mendesaknya keperluan untuk mempertingkatkan tindakan pencegahan dan kawalan denggi secara menyeluruh.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar raya Petaling Jaya, Majlis telah menganjurkan Sambutan Hari Denggi ASEAN 2025 di Apartment Idaman, PJU 10, Petaling Jaya, salah satu lokaliti yang merekodkan jumlah kes tertinggi. Ia juga usaha meningkatkan kesedaran dan kerjasama rentas sektor dalam membanteras penularan denggi.

Program ini menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat bagi menggerakkan tindakan bersepadu yang lebih berkesan.

Penganjuran program ini amat bertepatan dengan situasi semasa memandangkan Negeri Selangor sering mencatatkan jumlah kes tertinggi di Malaysia.

Antara faktor penyumbang utama kepada peningkatan kes demam denggi termasuk tahap kebersihan persekitaran yang rendah, lorong belakang rumah, kebun haram, rumah kosong serta tanah-tanah rizab yang terbiar. Keadaan ini diburukkan lagi dengan sikap sambil lewa segelintir masyarakat yang kurang peka terhadap bahaya denggi.

Daerah Petaling merupakan antara kawasan dengan kes tertinggi di negeri ini, manakala Damansara Damai dikenal pasti sebagai penyumbang utama kes di bawah pentadbiran MBPJ.

Di kawasan ini, terdapat 15 kelompok perumahan bertingkat merangkumi 14,477 unit kediaman, dengan kepadatan penduduk yang tinggi menjadi faktor risiko penularan denggi. Data menunjukkan 98 kes telah dilaporkan sehingga minggu Epid 23/2025 (7 Jun 2025). Meskipun terdapat penurunan, MBPJ menegaskan bahawa aktiviti kawalan perlu diteruskan secara konsisten bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan mencegah peningkatan semula wabak.

Antara inisiatif utama MBPJ termasuk penubuhan Pasukan SEDAR yang digerakkan di kawasan berisiko tinggi dan kerjasama strategik dengan Pasukan COMBI di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dianggotai sukarelawan komuniti. Kedua-dua pasukan ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan aktiviti pendidikan dan pencegahan di peringkat akar umbi.



MBPJ turut giat melaksanakan program gotong-royong yang memberi fokus kepada penghapusan tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti bekas air bertakung, longkang tersumbat dan kawasan berisiko tinggi jentik-jentik.

Pencegahan dan kawalan denggi tidak akan berjaya tanpa komitmen semua pihak. MBPJ menyeru seluruh warga Petaling Jaya untuk mengambil tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan persekitaran serta bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa kesihatan.

Hanya dengan usaha kolektif dan penglibatan menyeluruh daripada masyarakat, penularan demam denggi dapat dibendung dan kesejahteraan rakyat dapat dilindungi daripada ancaman wabak ini.



PEMERKASAAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN

KELANA JAYA, 16 JUN - Merujuk kepada Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007, "Iklan" bermaksud apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai. Iklan juga diertikan mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain. Ia juga termasuk apa-apa papan dinding, kotak elektronik, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, tempat tumpuan awam, di atas mana-mana tanah, termasuklah tanda langit, belon, *bunting*, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihan raya.

Syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 : Bahasa Kebangsaan – Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan mengikut undang-undang oleh Parlimen dan Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ)

2007, perkara 3 (Bahasa Iklan) (1) "Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain dan di bawah perkara 3 (Bahasa Iklan) (2), jika bahasa kebangsaan digunakan bersama dengan bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan dan digunakan dengan nahu yang betul".

Sehubungan itu, Majlis telah menjalankan semakan secara berkala dalam sistem eLesen. Setakat Jun 2025, terdapat 5 isu pemalsuan dokumen bagi iklan premis semasa permohonan lesen perniagaan dibuat oleh pemegang lesen. Pihak syarikat telah memalsukan dokumen kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan melampirkan dokumen tersebut semasa permohonan lesen perniagaan.

Majlis ingin menegaskan bahawa setiap dokumen yang dihantar dan diproses melalui sistem eLesen bagi permohonan lesen perniagaan hendaklah disemak dengan teliti, walaupun proses kerja tersebut dilaksanakan oleh wakil syarikat. Ini bagi memastikan tiada isu atau kes pemalsuan dokumen.

Bagi permohonan baru lesen perniagaan, Majlis memohon agar setiap syarikat menyemak kriteria seperti syarat jubin dan keperluan dokumen dan premis sebelum menjalankan perniagaan. Sekiranya terdapat sebarang persoalan dan pertanyaan, orang awam boleh mendapatkan bantuan melalui medium di dalam Meja Bantuan sistem eLesen seperti berikut :

- a) E-mail smartlesen@mbpj.gov.my
- b) Talian telefon Jabatan Pelesenan (03-79604667 samb 143/144);
- c) WhatsApp Jabatan Pelesenan (013-9410146);
- d) Telegram Jabatan Pelesenan (013-9410146)

Bagi aktiviti barangan lusuh, Majlis mengingatkan pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum menjalankan perniagaan. Bagi proses kerja pembaharuan lesen, syarikat perlu mendapatkan kelulusan permohonan jualan barangan lusuh daripada PDRM terlebih dahulu. Berdasarkan rekod, sebanyak 14 premis di kawasan Petaling Jaya yang menjalankan perniagaan barang lusuh telah mendapat kelulusan dari PDRM dan MBPJ.






Sistem eLesen

Semua pengguna, pemilik atau wakil perlu menyediakan terlebih dahulu :

1. "Softcopy" Salinan Kad Pengenalan (format jpg / png / pdf)
2. 'Softcopy' Salinan Surat Perwakilan Kuasa (format jpg / png / pdf)
3. No. Telefon Bimbit Yang Boleh Menerima SMS



MEDIA SOSIAL : 013 - 941 0146

Isnin - Jumaat | 8.00 pg - 5.00 ptg



NO. TELEFON : 03 7954 1548
: 03 7954 1560 samb. 131
: 03 7960 9026

Isnin - Jumaat | 8.00 pg - 5.00 ptg

#staysafe #smartpjlesen



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)



WE LOVE
PETALING JAYA

BELANJAWAN 2026: MBPJ LAKSANA PENDEKATAN *OUTCOME BASED BUDGETING*

SEKSYEN 52, 20 JUN - Dalam merangka Bajet Tahun 2026, Majlis telah mengadaptasi pendekatan *Outcome Based Budgeting* (OBB), iaitu satu pendekatan perancangan kewangan yang berpaksikan kepada keberhasilan program. Pendekatan ini memastikan setiap sen yang dibelanjakan adalah bagi memenuhi keperluan sebenar rakyat serta memberi impak maksimum kepada komuniti bandar raya.

OBB juga membolehkan Majlis mengenal pasti *output* dan *outcome* yang dihasratkan menerusi setiap program, selaras dengan prinsip kecekapan perbelanjaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Sesi *Town Hall* Bajet 2026 bersama komuniti diadakan pada 26 Jun 2025, menetapkan lima (5) bidang keutamaan telah dikenal pasti sebagai fokus utama Bajet 2026, iaitu:

a) Alam Sekitar dan Kesihatan

i. Memastikan kawasan hijau kekal terpelihara sebagai 'paru-paru' bandar.

ii. Mengurangkan pencemaran udara, air dan bunyi menerusi penguatkuasaan kawal selia dan inisiatif hijau.

iii. Menangani isu *hotspot* denggi melalui kerjasama rentas agensi, penglibatan komuniti dan pendekatan berasaskan data GIS.

b) Pengurusan Bandar Selamat dan Bebas Halangan

i. Menyelenggara dan menambah baik fasiliti awam, jalan, longkang serta infrastruktur sedia ada supaya selamat dan mudah diakses semua lapisan masyarakat termasuk OKU, warga emas dan kanak-kanak.

ii. Meningkatkan tahap keselamatan awam melalui pemasangan CCTV, pencahayaan kawasan tumpuan dan rondaan bersepadu bersama agensi keselamatan.

c) Ekonomi / Hasil PBT

i. Menjamin kedudukan kewangan PBT yang mampan melalui strategi peningkatan hasil tanpa membebankan rakyat.

ii. Pemerkasaan sumber hasil sedia ada serta mengenal pasti potensi hasil baharu.

iii. Memacu pertumbuhan ekonomi tempatan melalui inisiatif zon ekonomi, sokongan kepada usahawan bandar dan program padanan strategik sektor swasta.

d) Sosial

i. Menjamin kesejahteraan komuniti melalui pelaksanaan program pembangunan insan, intervensi sosial dan pemerkasaan masyarakat madani.

e) Pengurusan Bandar Digital

i. Memperluas sistem penyampaian digital dan pendigitalan perkhidmatan Majlis ke arah Bandar Pintar (Smart City).

ii. Meningkatkan kecekapan pentadbiran, ketelusan urus tadbir dan akses rakyat kepada maklumat melalui pelaksanaan sistem *dashboard* pemantauan dan perkhidmatan digital bersepadu.

iii. Menyokong keperluan era kerja hibrid dan digitalisasi komuniti melalui capaian internet awam, literasi digital dan inovasi teknologi bandar.



KLIK
semasa

MBPJ BENTANG BAJET 2026, CADANG RM521.7 JUTA



MBPJ RAIKAN KELAHIRAN 'BAYI BANDAR RAYA' SEMPENA ULANG TAHUN PETALING JAYA KE-19

J ALAN YONG SHOOK LIN, 21 JUN 2025 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meraikan seramai 5 bayi yang dilahirkan pada tarikh bersejarah 20 Jun 2025 menerusi penganjuran Program Bayi Bandar Raya sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19.

Kesemua bayi berkenaan selamat dilahirkan di dua buah hospital swasta sekitar Petaling Jaya iaitu Hospital Thomson dan Hospital Assunta.

Tarikh 20 Jun merupakan detik yang cukup bermakna buat seluruh warga Petaling Jaya kerana tanggal itu, Petaling Jaya telah diisytiharkan sebagai bandar raya kedua di Selangor. Bagi mengabadikan momen penuh sejarah ini, MBPJ menganjurkan program khas untuk meraikan kelahiran cahaya mata yang berkongsi tarikh lahir dengan hari ulang tahun bandar raya.

Sebagai simbolik penghargaan, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah mengetuai sesi kunjungan ke kedua-dua hospital terbabit dan menyampaikan cenderahati berupa hamper kelengkapan bayi serta kad keahlian Perpustakaan Komuniti MBPJ percuma seumur hidup kepada setiap bayi yang diraikan. Menurut Datuk Bandar, inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan kegembiraan dan rasa syukur atas pertambahan generasi baharu, malah menyemai rasa cinta terhadap Petaling Jaya dalam kalangan masyarakat sejak dari awal kelahiran.

"Setiap tahun, MBPJ menganjurkan Program Bayi Bandar Raya sebagai tanda penghargaan terhadap kelahiran generasi pewaris masa depan yang berkongsi tarikh lahir dengan pengisytiharan bandar raya ini. Tahniah kepada ibu bapa dan syabas kepada petugas kesihatan atas komitmen dan dedikasi mereka," katanya.

Daripada jumlah keseluruhan kelahiran, dua merupakan bayi lelaki manakala tiga bayi perempuan. Dua kelahiran dilaporkan secara normal, manakala tiga lagi melalui kaedah pembedahan. Kesemua bayi berada dalam keadaan sihat dan stabil.

Bayi pertama yang dilahirkan pada 20 Jun 2025 merupakan seorang bayi perempuan yang selamat dilahirkan di Hospital Thomson pada jam 8.22 pagi. Bayi ini diiktiraf sebagai 'bayi bandar raya' terawal pada tahun ini.

Kunjungan dan penyampaian cenderahati ini merupakan sebahagian daripada pengisian program sempena Bulan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 yang berlangsung sepanjang Jun 2025 dan menjadi lambang kesyukuran atas pencapaian serta kemajuan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang terus maju, progresif dan inklusif.





Aktiviti-aktiviti

*Ahli
Majlis
MBPJ*

Jun

SUMBANGAN KOTAK MAKANAN KEPADA PENDUDUK SEKSYEN 2, 3 DAN 4 • 4 JUN 2025, SEKSYEN 3



PROGRAM IBADAH KORBAN 2025 PERSATUAN PENDUDUK PJS 2 DAN KRT PJS 2C/8 • 7 JUN 2025, TAMAN MAJU JAYA



PROGRAM KORBAN ANAK MUDA MADANI

• 8 JUN 2025, PJS 4







PROJEK PENGABDIAN KOMUNITI REJENI • 15 JUN 2025, KELANA JAYA



PROGRAM IBU CAHAYA HIDUPKU, RATU HATIKU • 20 JUN 2025, PJS 2



SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SISPAA

 <https://mbpj.spab.gov.my>

HOTLINE ADUAN

 03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA

 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

DATANG SENDIRI / KAUNTER

 Seksyen Aduan Awam,
Tingkat Bawah,
Bangunan Annex MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



SILA IMBAS
KOD QR INI
UNTUK KE
LAMAM WEB
SISPAA MBPJ

APLIKASI
TELEFON PINTAR




Respons
Rakyat



ANDROID



iOS



DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ